

## MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

### PROGRAM PENAJAAN PENGAJIAN TERTIARI (TESP)

- Tertiary Education Sponsorship Programme (TESP) adalah program penajaan pelajaran berbentuk Pinjaman Boleh Ubah di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk pelajar lepasan STPM, Matrikulasi/Asasi/STAM/Diploma dan setaraf yang telah ditawarkan pengajian **peringkat Ijazah Pertama secara sepenuh masa** dalam bidang dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terpilih dalam negara.

### TEMPOH PERMOHONAN

- Permohonan Pinjaman MARA boleh dibuat secara atas talian melalui portal Majlis Amanah Rakyat (akan dibuka pada waktu permohonan pinjaman diiklankan sahaja)
- Makluman berkaitan iklan permohonan akan dimaklumkan melalui Kulliyyah/Portal Pelajar.

### SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

- Rujuk Lampiran – SYARAT KELAYAKAN TESP TAHUN 2024
- Rujuk Lampiran – GARIS PANDUAN PERMOHONAN TESP MARA 2024

### SENARAI PROGRAM DITAWARKAN PINJAMAN

- a) Ijazah Sarjana Muda Perubatan Dan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan (MBBS)
- b) Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Pengajian Qiraat dengan Kepujian
- c) Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Kepujian
- d) Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian
- e) Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Kepujian
- f) Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan dan Perbankan Islam) dengan Kepujian

### KADAR/JUMLAH PINJAMAN YANG DITAWARKAN

- Bergantung kepada pendapatan Iubapa atau Penjaga
- Rujuk Lampiran – SYARAT KELAYAKAN TESP TAHUN 2024

### KAEDAH PERMOHONAN

- Permohonan perlu dibuat secara dalam talian (online) di <https://educationloan.mara.gov.my>
- Pemohon boleh rujuk Manual Panduan Pengguna Sistem MYEDULOAN V4 (<https://anyflip.com/shdgi/smwv/>)
- Pemohon hendaklah memastikan maklumat diisi dengan lengkap sebelum dihantar. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat tidak akan diproses.
- Permohonan yang telah dihantar **TIDAK** boleh diubah dan di kemaskini.
- Dokumen sokongan seperti yang tertera dalam panduan permohonan program perlulah dimuat naik ke dalam sistem MyEduloan. (Rujuk Lampiran: PANDUAN PERMOHONAN PINJAMAN MARA TESP)

- Pemohon perlu sentiasa menyemak status permohonan yang telah dihantar di sistem MyEduloan dari semasa ke semasa di pautan <https://educationloan.mara.gov.my> .
- Hanya pemohon yang berjaya dan menerima tawaran perlu mencetak dan menghantar dokumen yang berkaitan kepada MARA.
- Permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak MARA selepas tiga (3) bulan daripada tarikh iklan adalah dianggap tidak Berjaya dan keputusan adalah muktamad.
- MARA berhak pada bila-bila masa menamatkan atau menarik balik tawaran pinjaman sekiranya pemohon didapati memberi maklumat palsu.

*(Sumber Rujukan : IKLAN TESP MARA TAHUN 2024)*  
*(Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada polisi dari semasa ke semasa pihak Penaja)*

## **PROGRAM PENAJAAN GRADUAN CEMERLANG (GrEP)**

- Majlis Amanah Rakyat (MARA) menawarkan pinjaman pelajaran dalam Pinjaman Boleh Ubah di bawah Program Graduan Cemerlang/ *Graduate Excellence Programme* (GrEP) kepada graduan cemerlang lepasan Ijazah Pertama/Sarjana bagi melanjutkan pengajian ke **peringkat pascasiswazah Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran/PHD** di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terpilih dalam negara mengikut bidang tertentu yang memberi impak besar kepada keperluan guna tenaga negara.

### **TEMPOH PERMOHONAN**

- Permohonan Pinjaman MARA boleh dibuat secara atas talian melalui portal Majlis Amanah Rakyat (akan dibuka pada waktu permohonan pinjaman diiklankan sahaja)
- Makluman berkaitan iklan permohonan akan dimaklumkan melalui Kulliyyah/Portal Pelajar.

### **SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN**

- Rujuk Lampiran – SYARAT KELAYAKAN GrEP TAHUN 2024
- Rujuk Lampiran – GARIS PANDUAN PERMOHONAN GrEP MARA 2024

### **SENARAI PROGRAM DITAWARKAN PINJAMAN**

- a) Ijazah Sarjana Pengajian Al-Quran

### **KADAR/JUMLAH PINJAMAN YANG DITAWARKAN**

- Bergantung kepada pendapatan Ibubapa atau Penjaga
- Rujuk Lampiran – SYARAT KELAYAKAN GrEP TAHUN 2024

### **KAEDAH PERMOHONAN**

- Permohonan perlu dibuat secara dalam talian (online) di <https://educationloan.mara.gov.my/V4/sa/#/Login> )
- Pemohon boleh rujuk Manual Panduan Pengguna Sistem MYEDULOAN V4 (<https://anyflip.com/shdgi/smwv/>)
- Pemohon hendaklah memastikan maklumat diisi dengan lengkap sebelum dihantar. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat tidak akan diproses.
- Permohonan yang telah dihantar **TIDAK** boleh diubah dan di kemaskini.
- Dokumen sokongan seperti yang tertera dalam panduan permohonan program perlulah dimuat naik ke dalam sistem MyEduloan. (Rujuk Lampiran: PANDUAN PERMOHONAN PINJAMAN MARA TESP)
- Pemohon perlu sentiasa menyemak status permohonan yang telah dihantar di sistem MyEduloan dari semasa ke semasa di pautan <https://educationloan.mara.gov.my>
- Hanya pemohon yang berjaya dan menerima tawaran perlu mencetak dan menghantar dokumen yang berkaitan kepada MARA.
- Permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak MARA selepas tiga (3) bulan daripada tarikh iklan adalah dianggap tidak Berjaya dan keputusan adalah muktamad.

- MARA berhak pada bila-bila masa menamatkan atau menarik balik tawaran pinjaman sekiranya pemohon didapati memberi maklumat palsu.

*(Sumber Rujukan : IKLAN GrEP MARA TAHUN 2024)*

*(Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada polisi dari semasa ke semasa pihak Penaja)*